

NO. SOALAN : 515

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS [TELOK KEMANG]**

SOALAN

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) langkah Kerajaan untuk mewajibkan "*speed limiter*" terhadap kenderaan awam melalui pindaan undang-undang pengangkutan jalan berkaitan; dan
- (b) sejauh mana dasar penggunaan *Global Positioning System* GPS yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Awam Darat SPAD diaplikasikan kepada semua pengangkutan awam.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mewartakan Peraturan *United Nations* (UN) 89 – *Speed Limitation Devices* (SLD) pada 15 Mac 2013 di bawah Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 dan telah mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2015.
2. Penguatkuasaan terhadap peraturan tersebut adalah terpakai bagi kenderaan model baru yang dikeluarkan selepas 1 Januari 2015. Namun begitu, bagi model kenderaan yang dikeluarkan sebelum tahun 2015, belum diwujudkan apa-apa ketetapan dan dasar yang mewajibkan pemasangan SLD.
3. Pelaksanaan pematuhan terhadap Peraturan UN 89 adalah terpakai bagi kategori kenderaan seperti berikut:
 - i) Kenderaan penumpang melebihi 9 tempat duduk dan Berat Dengan Muatan (BDM) melebihi 5,000 Kg; dan
 - ii) Kenderaan barangan yang mempunyai Berat Dengan Muatan (BDM) melebihi 3,500 Kg.

4. Pemasangan dan pemantauan Sistem Kedudukan Sejagat (*Global Positioning System* - GPS) telah diwajibkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menerusi Pekeliling SPAD Bilangan 6 bertarikh 20 Ogos 2013 bagi pengendali bas dan menerusi Pekeliling SPAD Bilangan 11 Tahun 2013 untuk kenderaan barangan berkuatkuasa mulai 20 Oktober 2013 sebagai syarat lesen pengendali.

5. Objektif utama pemantauan setiap perjalanan bas dan kenderaan barangan melalui pemasangan GPS adalah agar pihak pengendali sendiri mengambil tanggungjawab untuk mengawalselia tingkah laku pemandu dan profil kelajuan kenderaan bagi setiap perjalanan. Tindakan disiplin yang bersesuaian hendaklah diambil oleh pengendali atas pemandu mereka yang melanggar mana-mana peraturan keselamatan Kod Amalan Industri SPAD (SPAD-ICOP).

6. Pada masa yang sama, pihak SPAD turun menjalankan pemeriksaan pematuhan SPAD ICOP. Dari hasil pemeriksaan pematuhan SPAD-ICOP sejak Julai 2013, sebanyak 106 pengendali bas ekspres telah digantung operasinya sehingga mereka mematuhi arahan untuk memasang dan memantau tingkah laku pemandu dan profil kelajuan kenderaan melalui pusat kawalan operasi.

Sekian, terima kasih.